

Ucapan YAB Tun Abdul Razak bin Hussein, Perdana Menteri Malaysia  
di Upacara Melancarkan Lembaga Pertubuhan Peladang Pada 13hb. Ogos, 1973  
di Dewan Tengku Abdul Rahman, Kuala Lumpur.

Hari ini mempunyai makna yang besar kepada rakyat diseluruh negara khususnya kaum tani yang sebahagian terbesar daripadanya terdiri dari kaum Bumiputra. Saya amat sukacita dan berterimakasih kepada ahli-ahli Lembaga Pertubuhan Peladang ini kerana menjemput saya melancarkan Lembaga ini dengan resminya sungguhpun Lembaga ini sudahpun bergerak sejak beberapa bulan yang lalu.

Sebagaimana yang sama-sama kita maklum, Lembaga Pertubuhan Peladang ditubuhkan melihat pada keadaan yang berjalan pada masa yang sudah dimana dua pertubuhan yang dianjurkan oleh Kerajaan bersaing antara satu dengan lain meskipun kedua-duanya mempunyai tujuan yang sama iaitu membantu kaum tani untuk meninggikan taraf hidup mereka.

Gerakan kemajuan kerjasama dikawasan luar bandar dan juga gerakan persatuan peladang dalam menjalankan kegiatan sehari-hari bukan sahaja bersaing tetapi kerjanya lapis dan menjadi sia-sia menyebabkan rakyat menjadi keliru atas tujuan-tujuan Kerajaan menubuhkan persatuan peladang dan syarikat-syarikat kerjasama ini. Biarpun kedua-dua badan ini berada didalam satu kawasan, mempunyai ahli-ahli yang hampir sama dari menjalankan aktibiti-aktibiti yang hampir serupa tetapi mendapat galakan dan juga bantuan dari Kementerian dan Jabatan Kerajaan yang berlainan.

Disetengah-tengah tempat, ahli-ahli gerakan kemajuan kerjasama berasaskan mereka telah dibelakangkan oleh Kerajaan memandangkan bahawa Persatuan-persatuan mendapat berbagai rupa bantuan samada subsidi wang ataupun perkhidmatan kemahiran yang tertentu. Oleh yang demikian, saya dapati mustahak diselaraskan aktibiti kedua-dua pertubuhan ini melalui Lembaga Pertubuhan Peladang supaya rakyat mendapat sepenuh-penuh faedah dan menafaat dari usaha yang dijalankan oleh Kerajaan itu.

Satu lagi peranan penting Lembaga ini ialah untuk menyelaraskan aktibiti badan-badan berkanun seperti LPN, FAMA, FIMA, Perbadanan-perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri, RISDA, Bank Pertanian, MARDI, Bahagian Kajiteknik Makanan dan Jabatan-jabatan Pertanian, Parit dan Taliair dan lain-lain yang menjalankan tugas-tugas yang terlibat secara langsung dengan kemajuan pertanian di negara ini.

Adalah jelas bahawa apa yang diperlukan sekarang ialah penyelarasan yang berkesan bagi mengelakan berlapisan serta persaingan tugas di peringkat kampung. Oleh itu saya memberi Lembaga Pertubuhan Peladang kuasa yang penuh untuk menyelaraskan perancangan dan pelaksanaan aktibiti yang dijalankan oleh badan-badan dan jabatan-jabatan yang berkenaan dengan meminta mereka itu bekerjasama dengan Lembaga ini dalam usaha-usaha untuk memajukan pertubuhan-pertubuhan peladang. Saya sendiri akan memerhatikan agar dasar yang digariskan itu dijalankan dengan sempurna.

Satu daripada aspek penting dalam Dasar Ekonomi Baru Kerajaan ialah menyusun semula masyarakat di mana tiap-tiap anggota rakyat akan menikmati taraf hidup yang lebih baik dan sempurna. Objektif penyusunan semula masyarakat tidak akan dapat dicapai sekiranya usaha-usaha pembangunan ditumpukan di bandar-bandar sahaja. Usaha-usaha pembangunan hendaklah lebih diperhentikan dikawasan luar bandar kerana sebagaimana kita sedia maklum, untuk beberapa tahun akan datang sektor pertanian akan kekal sebagai asas ekonomi negara dan tambahan pula di kawasan luar bandar terdapat sebahagian besar daripada rakyat tani kita terutama kaum Bumiputra. Memandangkan pada keadaan ini, pihak Kerajaan, melalui Lembaga Pertubuhan Peladang, akan memperluaskan usaha-usaha kemajuan pertanian dengan lebih pesat dan lebih moden.

Usaha-usaha memodenkan sektor pertanian merupakan satu proses kompleks dan berangkai. Langkah-langkah hendaklah diambil oleh Lembaga ini, sebagai pihak berkuasa yang tunggal, supaya memberi

sempurna galakan dan dorongan kepada pertubuhan-pertubuhan peladang dan juga menyusun rancangan-rancangan yang boleh meninggikan taraf ekonomi dan sosial kaum tani amnya.

Saya fikir Lembaga ini hendaklah mengaturkan projek-projek tertentu yang meliputi semua bidang kegiatan ekonomi luar bandar termasuk perkilangan memproses hasil pertanian, penyelenggaraan jentera, pengangkutan dan pemasaran. Projek-projek ini bukan sahaja akan memberi peluang-peluang kerja kepada penduduk desa, khasnya kaum belia, bahkan dengan projek-projek ini akan muncul kegiatan-kegiatan ekonomi yang baru, peluang perniagaan baru dan perusahaan baru di kawasan luar bandar yang akan membawa faedah kepada golongan-golongan yang lebih ramai lagi.

Kerajaan juga berharap dengan adanya Lembaga Pertubuhan Peladang ini, kita dapat menyusun semula institusi-institusi serta sistem sosial peringkat desa dengan tujuan bagi menyelaraskan perkembangan ekonomi negara pada keseluruhannya. Dalam penyusunan semula sektor pertanian, Lembaga Pertubuhan Peladang ini patutlah mencari langkah-langkah membolehkan peladang-peladang memiliki tanah yang lebih ekonomi sebagai satu daripada langkah reformasi tanah.

Saya telah menyebut dahulu iaitu tujuan kita supaya setiap peladang memiliki sekurang-kurangnya enam ekar tanah sawah untuk menjamin pendapatan yang sewajarnya. Dalam hal ini, Lembaga Pertubuhan Peladang dikehendaki bekerjasama dengan badan-badan lain seperti Bank Pertanian, Kementerian Kemajuan Tanah, Felcra dan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menyelaraskan kegiatan masing-masing bagi membolehkan peladang-peladang memiliki ataupun menebuskan kembali tanah mereka yang tergadaai supaya boleh menjamin pendapatan yang seimbang dengan pendapatan minima dalam sektor perindustrian.

Selanjutnya, pertubuhan-pertubuhan peladang patutlah digalakkan mengusahakan ladang-ladang besar atau dasar co-operative atau "collective farming" supaya tiap-tiap ahli akan dapat merasai faedah rancangan ini dan meningkatkan pendapatan mereka disamping menikmati hasil dari ladang yang dimiliki mereka sendiri. Dalam hal ini, saya berharap Kerajaan-kerajaan Negeri akan dapat menyediakan tanah yang sesuai untuk diusahakan oleh pertubuhan-pertubuhan peladang untuk tanaman jangka panjang. Disini saya inginlah mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Johor yang telahpun memberikan tanah seluas 5,500 ekar (dan akan ditambah 1,500 ekar lagi) kepada persatuan peladang Negeri Johor untuk dijadikan ladang kelapa sawit. Saya juga bersyukur beberapa Kerajaan Negeri yang lain telah berjanji untuk memberikan tanah kepada persatuan-persatuan peladang bagi tujuan yang sama.

Pada hemat saya, Lembaga Pertubuhan Peladang hendaklah menetapkan strategi bagi mencapai penyelarasan diantara badan-badan berkanun dan Jabatan-jabatan Kerajaan untuk menjamin supaya perkhidmatan yang boleh diberi oleh mereka itu akan disampaikan kepada peladang-peladang secara lebih berkesan. Salah satu daripadanya memilih "Kawasan Kemajuan Peladang" dimana kemudahan-kemudahan asas dan incentive untuk kemajuan pertanian akan disusun dan ditumpukan. Dengan demikian, sumber bantuan daripada Kerajaan dan pihak-pihak yang lain akan dapat digunakan sepenuhnya untuk mempercepatkan proses mempelbagai dan memperdagangkan hasil pertanian.

Bagi maksud ini, Lembaga Pertubuhan Peladang telah diarah supaya menubuhkan segera Pusat Kemajuan Pertanian di tiap-tiap kawasan kemajuan peladang yang akan diisytiharkan. Pusat Kemajuan Pertanian ini akan menjadi pusat dimana semua kegiatan dan perkhidmatan Jabatan-jabatan Kerajaan dan badan-badan berkanun akan dapat diselaraskan serta menjadi saluran yang tunggal bagi menyalurkan bantuan dan perkhidmatan kepada petani-petani kita.

Seperti yang sering saya katakan, tujuan Dasar Ekonomi Baru ialah untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat untuk mengujudkan masyarakat adil di negara ini. Oleh itu, salah satu daripada peranan penting Lembaga Pertubuhan Peladang ialah menggalakkan rancangan-rancangan yang di-

jalankan oleh persatuan-persatuan peladang dan syarikat-syarikat kerjasama asal sahaja rancangan itu selaras dengan cita-cita Dasar Ekonomi Baru itu. Lembaga Pertubuhan Peladang hendaklah menentukan projek-projek yang patut diberi keutamaan. Umpamanya, mendirikan industri-industri berasaskan pertanian yang bersifat "labour intensive" iaitu yang banyak menggunakan tenaga manusia supaya pengangkutan di kawasan luar bandar dapat dikurangkan.

Dalam hubungan ini, saya sukacita atas inisiatif peladang-peladang di Johor dan Negeri Sembilan mengusahakan kilang memproses buah Markisa yang ditambah oleh mereka sendiri. Saya memandang adanya kemungkinan mendirikan industri-industri yang sederhana besarnya, yang tidak memerlukan modal yang banyak, tetapi boleh meninggikan pendapatan tiap-tiap seorang peladang yang menyertainya dan bukan untuk kepentingan segulungan ahli yang kecil sahaja. Sambil itu saya suka mengambil kesempatan ini menyeru peladang-peladang supaya melibatkan diri mereka bukan sahaja dalam pelaksanaan projek-projek kemajuan bahkan juga dalam perancangan dan pengurusan projek-projek itu sendiri.

Kerajaan juga telah memutuskan iaitu satu daripada langkah jangka panjang yang akan diambil oleh Lembaga Pertubuhan Peladang ialah menyatu dan menggembelingkan tenaga dan usaha rakyat supaya bergabung didalam satu pertubuhan sahaja, iaitu Pertubuhan Peladang. Pertubuhan Peladang yang bakal ditubuhkan dalam tiap-tiap kawasan peladang akan dianggotai oleh persatuan-persatuan peladang dan syarikat-syarikat kerjasama yang berasaskan pertanian didalam kawasan yang berkenaan itu sebagai unit-ahli. Peladang-peladang perseorangan yang mengusahakan ladangnya sendiri atau yang mempunyai mana-mana satu daripada faktor pengeluaran pertanian dibenarkan menjadi ahli terus pertubuhan peladang kawasan itu. Di masa hadapan, pendaftaran syarikat-syarikat kerjasama yang berasaskan pertanian hendaklah tertakluk kepada syarat bahawa mereka itu hendaklah menjadi unit-ahli kepada pertubuhan peladang kawasan yang berkenaan.

Saya berharap apabila Lembaga Pertubuhan Peladang ini menubuhkan pertubuhan peladang ditiap-tiap kawasan kemajuan peladang, semua persatuan peladang dan syarikat kerjasama yang berasaskan pertanian akan turut serta menjadi yunit-ahli kepada pertubuhan peladang yang berkenaan. Ini satu-satu caranya bagi mendapatkan penyelarasan yang sempurna diantara syarikat-syarikat kerjasama yang berasaskan pertanian dengan persatuan-persatuan peladang. Dengan tertubuhnya badan itu, diharapkan perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan-jabatan Kerajaan akan dapat disampaikan menerusi saluran-saluran yang tunggal sahaja.

Saya sukacita mendapat tahu Lembaga Pertubuhan Peladang sekarang ini sedang giat menyediakan satu rangkaian kedai-kedai runcit untuk mengedarkan barang-barang pengguna sebagai satu langkah bagi mengelakkan kesan inflasi. Saya berharap Perbadanan Kemajuan Negeri, PERNAS dan lain-lain Badan Pemborong akan bersetuju melantik pertubuhan-pertubuhan rakyat di peringkat desa sebagai ejen pengedar dan penjual barang-barang pengguna itu.

Pada masa ini lebih kurang 88 buah syarikat kerjasama yang berasaskan pertanian terlibat dalam penjualan barang-barang runcit dan diharap Lembaga Pertubuhan Peladang akan dapat menyediakan rangkaian kedai runcit yang dimiliki oleh syarikat-syarikat kerjasama ataupun persatuan-persatuan peladang yang mempunyai keupayaan memainkan peranan dalam sistem pengedaran ini. Dengan langkah ini, bukan sahaja inflasi akan dapat dikurangkan, bahkan dengan secara langsung akan membawa peladang-peladang berkecimpung didalam alam perniagaan.

Kerajaan sentiasa berikhtiar membantu kaum tani kita dan dalam hal ini saya sukacita mengumumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju menurunkan kadar faedah atas kredit pertanian daripada 12% kepada 8.5% setahun mulai daripada musim pengeluaran padi bulan September, 1973 ini. Bank Pertanian dan Lembaga Pertubuhan Peladang telah diarahkan supaya melaksanakan keputusan ini. Dengan turunnya

kadar faedah ini, peladang-peladang sekalian akan mendapat lebih keuntungan daripada hasil pertanian mereka.

Saya sukacita Lembaga Pertubuhan Peladang bersama-sama dengan Jabatan Keselamatan Sosial sedang mengkaji kemungkinan melanjutkan rancangan keselamatan sosial di kalangan peladang-peladang. Sebuah "task-force" telahpun dibentuk untuk mengkaji cadangan ini dan adalah diharap laporan "task-force" ini akan dapat dikemukakan kepada Kerajaan pada penghujung tahun ini.

Akhir kata, saya gembira mengumumkan iaitu 6hb. Ogos, tiap-tiap tahun hendaklah dijadikan sebagai Hari Peladang yang boleh dirayakan oleh peladang-peladang diseluruh negara. Tarikh 6hb. Ogos ini ialah sempena pelancaran Gerakan Pembaharuan di Dungun tahun lepas dan saya berharap Hari Peladang ini akan menjadi suatu hari yang memberi erti dan makna kaum tani kita dan rakyat amnya.

Dengan nama Allah yang Maha Kuasa, saya sukacita meresmikan pelancaran Lembaga Pertubuhan Peladang ini sambil berdoa semoga usaha-usaha kita mendapat berkat dan hidayahnya.